

23/07/1997

Labuan bakal jadi IOFC terulung di dunia

Nazar Abdul in Jakarta

LABUAN bakal menjadi Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang utama di dunia dalam tempoh beberapa tahun akan datang, kata Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ahmad Mohd Don.

Ini berdasarkan perkembangan pesat kegiatan perbankan dan kewangan luar pesisir di Labuan serta jumlah pelabur yang semakin bertambah dalam pelbagai kegiatan perniagaan di pulau ini.

Ahmad yang juga Pengerusi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Lofsa) menyatakan demikian dalam ucapan dasar pada seminar 'Labuan: Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Utama' di Jakarta, semalam.

Beliau yakin dengan pendekatan pragmatik kerajaan Malaysia, Labuan dijangka mampu untuk terus menikmati kemajuan dan kemakmuran pada masa akan datang.

"Tumpuan khas diberikan kepada kegiatan perniagaan amanah, industri insurans, pengurusan dana dan penubuhan syarikat luar pesisir di Labuan," katanya.

Menurut Ahmad, struktur dan sistem undang-undang serta rejim percukaian yang dilaksanakan di Labuan menjadikan pulau itu kawasan menarik untuk penanaman modal bagi pelabur luar negara.

Beliau memberitahu, sejak Labuan diisytiharkan sebagai IOFC pada Oktober 1990, 1,300 syarikat luar pesisir ditubuhkan dan pada tahun 2000, ia dijangka bertambah menjadi 3,000.

Daripada jumlah itu, 56 ialah bank, 18 syarikat insurans dan 20 syarikat amanah.

Ahmad berkata, 14 negara seperti Jepun, United Kingdom, Belgium, Perancis, Jerman, Switzerland, Belanda, Kanada, Amerika Syarikat, Australia, Singapura dan Hong Kong diwakili bank terbesar mereka di Labuan.

"Menjelang akhir tahun ini, lebih 30 syarikat insurans akan beroperasi di Labuan. Kemajuan Labuan sangat membanggakan jika dibandingkan dengan pusat kewangan luar pesisir lain di dunia," kata Ahmad.

Menurutnya, Labuan hari ini mempunyai pelbagai kemudahan termasuk sekolah antarabangsa, hospital, hotel bertaraf antarabangsa dan institut latihan perusahaan.

Selain itu, sebuah lapangan terbang antarabangsa yang moden juga sedang dibina di Labuan untuk menyediakan pelbagai kemudahan perhubungan udara.

Tahun lalu, sebuah kompleks Taman Kewangan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menempatkan peserta dan pelabur pusat kewangan luar pesisir antarabangsa.

(END)